


# Felda ubah landskap luar bandar

Pembangunan tanah pedalaman bawa kemakmuran, basmi kemiskinan



Malaysiaku Gemilang

**S**IAPAKAH yang sanggup berada jauh daripada keluarga di kawasan pedalaman, tidak mempunyai kemudahan asas dan menghadapi masalah perhubungan. Jalan ke rancangan penempatan hanya dipenuhi tanah merah dengan debu berterbangan apabila dilalui lori atau kenderaan. Hanya mengharapkan air paya, sungai dan hujan untuk minum, mandi dan membasuh pakaian.

Begitulah sedikit gambaran kehidupan peneroka awal Tanah Rancangan Felda atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP). Bagaimanapun, berkat usaha bersungguh-sungguh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein, penubuhannya menjadi satu agenda penting negara dalam membasmi kemiskinan rakyat, khususnya yang tinggal di luar bandar.

Penubuhan Felda 50 tahun lalu, memang tepat pada masanya memandangkan negara berada di ambang kemerdekaan. Rakyat yang merdeka dijanjikan kebebasan dan kemakmuran.

Sebelum merdeka, pembukaan tanah secara besar-besaran dipelopori ladang swasta yang kebanyakannya dimiliki orang asing atau syarikat Eropah. Syarikat Eropah menguasai 70 peratus ladang berkenaan, diikuti 23 peratus milik orang Cina seperti Lee Rubber Estate Ltd dan tujuh peratus milik orang India.

Tujuan pembukaan tanah itu pula bukanlah untuk mengatasi masalah kemiskinan penduduk luar bandar, sebaliknya bagi mengaut keuntungan kerana harga getah yang baik. Tenaga kerja tempatan juga tidak digunakan dan buruh luar, terutama dari India dibawa masuk untuk bekerja di ladang itu.

Menjelang kemerdekaan, daripada sejumlah 1.5 juta hektar yang ditanam getah, seluas 566,570 hektar adalah milik 358,000 pekebun kecil. Pada keseluruhannya, saiz tanah mereka, terutama orang Melayu adalah kecil dan biasanya kurang ekonomik dengan purata hak milik 1.58 hektar seorang pekebun kecil. Hasil getah pekebun Melayu adalah rendah kerana 60 peratus pokok getahnya berumur lebih 30 tahun dan perlu ditanam semula. Mereka terdedah kepada harga pasaran yang tidak stabil.

Dalam keadaan sedemikian, Felda ditubuhkan. Pembangunan tanah untuk tanaman komersial dengan pengurusan yang baik adalah pendekatan sesuai bukan saja untuk mengatasi masalah kemiskinan, malah untuk kemakmuran negara.

Oleh kerana tanah terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri, maka pada Mei 1955, Menteri Sumber Asli Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, mengadakan rundingan bagi mendapatkan kata sepakat daripada beberapa Menteri Besar dan Pesuruhjaya Residen Pulau Pinang dan Melaka bagi mewujudkan sebuah lembaga pada peringkat persekutuan untuk membantu kerajaan negeri memajukan tanah.

INTI PATI

## Felda

- Penubuhan Felda 50 tahun lalu, memang tepat pada masanya memandangkan negara berada di ambang kemerdekaan.
- Rancangan pertama yang dibuka dengan peruntukan Felda ialah Rancangan Kemajuan Tanah Air Lanas, Tanah Merah, Kelantan seluas 1,680 hektar.
- Pada 1958, Felda mula membangunkan tanah rancangannya sendiri dengan pembukaan rancangan Lurah Bilut, Bentong, Pahang.
- Pada peringkat awal, getah adalah tanaman utama di rancangan Felda.
- Felda bukan saja berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat, malah membantu mengatasi masalah keselamatan negara dengan pembukaan tanah rancangan di kawasan Kesban di sempadan Malaysia-Thailand.

Menerusi Akta Kemajuan Tanah 1956, Felda ditubuhkan dengan peruntukan modal kerja sebanyak RM10 juta. Sejak itu, Felda tidak menoleh ke belakang. Selepas wujud selama lima dekad, Felda berupaya mengubah landskap pembangunan luar bandar. Seluas 895,000 hektar tanah dibangunkan dan 119,000 peneroka ditempatkan dalam rancangannya.

Kini, 81,500 peneroka berjaya menyelesaikan bayaran kos pembangunan tanah mereka dan seramai 71,000 daripada jumlah itu sudah menerima hak milik masing-masing daripada kerajaan negeri.

Pada peringkat awal penubuhannya, Felda berperanan menyalurkan peruntukan kewangan kepada Rancangan Kemajuan Tanah Kerajaan negeri. Rancangan pertama yang dibuka dengan peruntukan Felda ialah Rancangan Kemajuan Tanah Air Lanas, Tanah Merah, Kelantan seluas 1,680 hektar. Rancangan ini dimajukan pada Mac 1957 bagi menempatkan 400 keluarga peserta, membabitkan peruntukan RM800,000.

Bagaimanapun peranan Felda daripada peringkat awal penubuhannya sehingga

1960 menunjukkan perubahan secara beransur-ansur daripada menyediakan peruntukan kepada agensi pembangunan tanah kerajaan negeri kepada merancang, memaju dan mengurus sendiri rancangan tanah yang diluluskan kerajaan negeri.

Oleh itu, pada 1958, Felda mula membangunkan tanah rancangannya sendiri dengan pembukaan rancangan Lurah Bilut, Bentong, Pahang. Rancangan seluas 2,600 hektar itu menempatkan 600 keluarga peneroka. Pengalaman memajukan Lurah Bilut adalah pengalaman langkah pertama yang amat berharga bagi Felda. Pada mulanya, Peringkat 1 Lurah Bilut dimajukan dengan menggunakan tenaga empat kerat peneroka. Cara itu kurang sesuai dan melambatkan kemajuan pembangunan rancangan terbabit.

Berikutan itu, Felda mengubah strategi pembangunan pada peringkat seterusnya. Tenaga kerja daripada peneroka diganti pendorong. Felda memulakan sistem kontrak pertanian yang berkesan sehingga sekarang untuk memajukan rancangannya. Felda menyediakan rekod kemajuan kerja dan prestasi pendorong bagi memastikan mereka yang berkeupayaan melaksanakan kerja. Mereka yang gagal akan disenarai hitamkan.

Sistem kontrak ini digunakan untuk kerja pertanian seperti tebang bakar sehinggalah menanam dan kerja kejuruteraan seperti membina rumah peneroka. Sistem kontrak ini berkembang dan berterusan mengikut keperluan semasa.

Kesukaran yang dihadapi pada peringkat awal penubuhan Felda dapat diatasi dengan perancangan teliti. Felda perlu membuka hutan dara jauh di pedalaman kerana kawasan subur dan strategik sudah dibangunkan pihak swasta. Tambahan pula Felda memerlukan saiz tanah yang ekonomik dan sesuai dibangunkan iaitu sekurang-kurangnya 1,600 hektar.

Pembangunan tanah melalui fasa baru pada 1961 apabila Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tun Abdul Razak memberi tumpuan khas kepada Felda.

Bagi melancarkan lagi aktiviti pembukaan tanah dan penyediaan kemudahan di rancangan, peranan Felda dan kerajaan negeri diperjelaskan. Pembangunan infrastruktur iaitu pembinaan jalan, jambatan, bekalan air dan kemudahan lain diletakkan di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Pada 1961, Majlis Tanah Kebangsaan bersejajut supaya Felda mengambil alih rancangan yang dimajukan kerajaan atau Perbadanan Pembangunan Tanah Negeri-Negeri. Rundingan diadakan dengan kerajaan negeri dan secara beransur-ansur, rancangan tanah itu diambil alih oleh Felda.

Berikutan itu, Solok Menggong, Macap dan Kemendore di Melaka dan lima lagi rancangan kerajaan negeri Johor diserahkan kepada Felda. Rancangan Chalok, Sungai Tiang, Guar Napai, Batu Lapan dan Bukit Tembaga di Terengganu pula diserahkan kepada Felda pada Januari 1962. Ini adalah titik tolak menjadikan Felda peneraju pembangunan tanah negara.

Pada peringkat awal, getah adalah tanaman utama di rancangan Felda. Sungguhpun kelapa sawit mula ditanam sebelum pembukaan rancangan Felda, kebanyakannya diuruskan ladang swasta.

Sawit mula ditanam di rancangan Felda pada 1961 dengan keluasan 374 hektar. Keluasan tanaman sawit ditambah setiap tahun dan mulai 1965, keluasan rancangan yang ditanam dengan kelapa sawit buat pertama kalinya melebihi rancangan yang ditanam dengan tanaman getah. Keadaan itu berkait rapat dengan kesesuaian tanah, tempoh hasil lebih awal berbanding getah dan prospek sawit lebih cerah.

Pada 1972, tebu pula mula ditanam di rancangan Felda di Perlis. Pada masa ini seramai 447 keluarga menjadi peneroka tebu di Chuping, Perlis.

Sementara itu, pembukaan tanah di Sabah dan Sarawak pula menjadi cabaran baru kepada Felda. Keadaan tanah, budaya dan cara hidup masyarakat tempatan berbeza dengan di Semenanjung. Langkah itu mewujudkan integrasi di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Pembukaan tanah di Sabah seolah-olah membuka sebuah negeri apabila seluas 124,000 hektar tanah dibangunkan dan ditanam dengan sawit, lengkap dengan kilang memproses hasil sawit.

Dengan kesungguhan yang dilakukan, Felda bukan saja berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat, malah membantu mengatasi masalah keselamatan negara dengan pembukaan tanah rancangan di kawasan Kesban di sempadan Malaysia-Thailand.

Rencana disediakan Sekretariat Media Kementerian, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan sempena ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara.



KAWASAN BARU: Razak gigih meneroka dan membuka tanah baru untuk membasmi kemiskinan rakyat.